

**NAZUHA ZAINOL  
LWN.  
OSMARIZAL OMAR**

[Dalam Mahkamah Rendah Syariah Kemaman di Chukai, (Tuan Wan Abdul Hakim Bin Wan Khairul Anuar, HMRS) 3hb. April 2019 ]

[Kes Mal Bil: 11004-014-0829-2018]

*Undang-Undang Keluarga Islam – Seksyen 50 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 – Tuntutan fasakh – Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 – Beban untuk mengemukakan keterangan – Seksyen 73(1) dan (2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 – Beban pembuktian terletak pada Plaintiff untuk membuktikan alasan-alasan fasakh – Seksyen 86(5) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 – Bilangan saksi tidak mencukupi sepertimana ditetapkan oleh undang-undang – Tuntutan fasakh ditolak*

**FAKTA KES**

[1] Tuntutan perceraian secara fasakh ini telah difailkan oleh Plaintiff, Nazuha Binti Zainol terhadap suaminya, Osmarizal Bin Omar di bawah Seksyen 50 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Plaintiff dalam tuntutannya ini mengemukakan empat alasan kepada Mahkamah iaitu *pertama* kerana pihak-pihak sering tidak bersefahaman dan tegang semenjak tahun 2017 dan tiada mawaddah dalam rumah tangga mereka, *kedua* kerana Defendan telah dengan sengaja memberikan tekanan mental dan fizikal kepada plaintiff, *ketiga* kerana Defendan tidak bertanggungjawab serta cuai daripada menyediakan nafkah zahir dan batin serta nafkah tempat tinggal, dan *keempat* kerana Defendan tidak menghargai Plaintiff sebagai seorang isteri.

**KEPUTUSAN**

[2] Mahkamah memutuskan tuntutan fasakh Plaintiff terhadap Defendan ditolak kerana kelemahan pembuktian dan dakwaan Plaintiff tidak sepenuhnya dapat dizahirkan dalam Mahkamah.

**Peguan Syarie**

**Plaintif** : Puan Nadiyah binti Man dari Firma Tetuan Nadiyah & Associates.

**Defendan** : Puan Khairunnisa binti Shobat Settic dari Firma Tetuan Aziz & Co.

**Surah-Surah Al-Qur'an Yang Dirujuk**

1. Surah al-Nisa' ayat 19, ayat 34, ayat 128 dan ayat 135
2. Surah al-Rum ayat 21
3. Surah al-Baqarah ayat 231, ayat 233 dan ayat 282
4. Surah al-Maidah ayat 49

**Hadis Yang Dirujuk**

1. Riwayat Muslim, Hadis 2577
2. Riwayat Muslim, Hadis 1218

3. *Riwayat Bukhari, Hadis 4890*
4. *Sahih Muslim, Syarh al-Nawawi Jilid 12, halaman 4*

### Kitab-Kitab Yang Dirujuk

1. *Kitab al-Ahwal al-Syahsiah fi Syari'at al-Islam, Muhammad Mahyuddin, halaman 242*
2. *Kitab I'anat al-Talibin, Juzuk 4, Darul Fikr Littiba'ah Wa Nashr Wa Tawzi'*
3. *Kitab al-Fiqh al-Islamiyy wa-Adillatuhu, Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli, Juzuk 9, Cetakan Keempat, Darul Fikr, Damsyik, Syria, 1418H/1997M, halaman 7060 dan 7041*
4. *Kitab Ashabu Wa An-Nadhair Fi Qawaid Al-Fiqhiyyah, Imam Jamaluddin Abdul Rahman As Sayuthi*
5. *Kitab I'anat al-Talibin, Juzuk 4, halaman 86*
6. *Kitab Mughni al-Muhtaj, Shaykh Shams al-Din bin Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Sharbini, Jilid 5, halaman 151 dan 186*
7. *Kitab Kifayatul Akhyar, Juzuk 2, halaman 89*
8. *Kitab al-Ta'liq li 'Adamul Infaq, Dr. Muhammad Kamaluddin, Kuliah Undang-Undang Universiti Iskandariyyah, Mesir*
9. *Kitab al-Ashbah wa al-Nazair oleh al-Imam Jalaluddin al-Suyuti, Jilid 1, halaman 181*

### Undang-Undang Yang Dirujuk

1. *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, s. 2, s. 42, s. 50*
2. *Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, s. 11(1)(b), s. 11(3)(b)(i)*
3. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, s. 3, s. 72 dan s. 73(1)(2)*

### Kes-Kes Yang Dirujuk

1. *Hairun bt. Mohd Sharif lwn. Omar bin Mohd Noor, JH[1414] 289*
2. *Hasnah binti Omar lwn. Zaaba bin Mohamad Amin (1995) 10 JH 59*
3. *Rosliah Abu Kassim lwn. Abdul Rahman Ibrahim [2004] CLJ (Sy) 270*
4. *Nurul Huda Binti Ismail lwn. Nurrizal bin Ahmad Imran [2009] 1 SHLR 108*

## ALASAN PENGHAKIMAN

- [3] Tuntutan yang didengar ini adalah tuntutan fasakh di bawah Seksyen 50 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang difailkan oleh Plaintiff terhadap suaminya iaitu Defendan dalam kes ini. Plaintiff diwakili oleh Peguam daripada Tetuan Nadiah & Associates, manakala Defendan diwakili oleh Peguam daripada Tetuan Aziz & Co. Plaintiff dalam tuntutannya ini mengemukakan empat alasan kepada Mahkamah. Pertama, kerana pihak-pihak sering tidak bersefahaman dan tegang semenjak tahun 2017 dan tiada mawaddah dalam rumah tangga mereka. Kedua kerana Defendan telah dengan sengaja memberikan tekanan mental dan fizikal kepada plaintiff. Ketiga kerana Defendan tidak bertanggungjawab serta cuai daripada menyediakan nafkah zahir dan batin serta nafkah tempat tinggal. Keempat, kerana Defendan tidak menghargai Plaintiff sebagai seorang isteri. Plaintiff melalui Peguam Syari'nya cuba membuktikan kewujudan keempat-empat alasan tersebut melalui keterangan lisan, keterangan saksi-saksi dan keterangan dokumentar agar tuntutannya

disabitkan oleh Mahkamah. Beberapa kes yang telah diputuskan telah dirujuk oleh Peguam Plaintiff dalam kes ini. Sekiranya dibuktikan wujudnya alasan-alasan sebagaimana yang didakwa oleh Plaintiff, tuntutan fasakh akan disabitkan dan Mahkamah akan membubarkan perkahwinan Plaintiff dengan Defendan, dan seterusnya timbul pula lain-lain tuntutan dari berlakunya tuntutan yang disabitkan itu.

### Bidangkuasa Mahkamah

- [4] Mahkamah berpendapat isu utama dalam tuntutan yang dikemukakan oleh Plaintiff terhadap Defendan ini ialah menuntut supaya Mahkamah memfasakhkan akad nikah perkahwinan Plaintiff dengan Defendan, dengan beberapa alasan dan situasi yang didakwa telah berlaku antara Plaintiff dan Defendan dalam tempoh perkahwinan mereka. Fasakh bermaksud, “*Menamatkan atau membubarkan hubungan atau ikatan perkahwinan antara suami dengan isteri dan pembubaran tersebut berlaku berdasarkan keputusan Qadhi/Hakim*”. Fasakh adalah berbeza dengan perceraian talaq, kerana talaq berlaku adalah dengan pilihan atau kehendak suami sendiri, manakala fasakh berlaku berdasarkan keputusan Qadhi/Hakim yang merupakan wakil kepada Sultan/Pemerintah bagi sesuatu kerajaan yang berkuasa.
- [5] Mahkamah dapati, bagi tuntutan fasakh tidak ada peruntukan yang khusus tentang fasakh di dalam al-Quran, tetapi ulama-ulama Islam merujuk kepada pemakaian umum ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis yang memberikan alasan-alasan tertentu untuk tujuan fasakh. Alasan-alasan tersebut membolehkan Hakim atau Mahkamah membubarkan sesuatu perkahwinan melalui fasakh kerana meletakkan isteri atau suami dalam kesusahan atau *dharar*. Tujuan pembubaran itu ialah untuk menghapuskan kemudharatan tersebut dan jika berlakunya keadaan yang menunjukkan kepada keadaan yang sudah tidak boleh dipulihkan lagi.
- [6] Asas pensyariatian fasakh secara umum ialah nas-nas dari al-Quran dan al-Sunnah di samping Ijmak, sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Nisa'* ayat 128 yang berbunyi ;

وَإِنْ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُورًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا  
صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ ؕ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا  
تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Bermaksud:

“*Dan jika seorang wanita khawatir akan nusyuz atau sikap tidak acuh dari suaminya, Maka tidak Mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian yang sebenar-benarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka) walaupun manusia itu menurut tabiatnya kikir, dan jika kamu bergaul dengan isterimu secara baik dan memelihara dirimu (dari nusyuz dan sikap tak acuh), Maka Sesungguhnya Allah adalah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.*”

- [7] Berdasarkan kepada nas al-Quran di atas, jelaslah dapat disimpulkan bahawa apabila wujud dalam perkahwinan keadaan di mana suami *nusyuz* (gagal melaksanakan tanggungjawab yang sepatutnya) atau suami tidak melayani isteri dengan *mu asyarah* yang baik, kedua-dua pihak boleh berusaha untuk mencari jalan untuk perdamaian secara baik kerana perkara itu lebih baik dari berlaku bercerai-berai antara mereka suami isteri. Dan secara mafhum *mukhalafahnya* pula, dapat difahami bahawa jika tidak berlaku usaha perdamaian secara baik itu, sebarang kemudharatan yang ada atau

berlaku perlu dihapuskan dengan pembubaran hubungan atau ikatan perkahwinan antara mereka suami isteri.

- [8] Manakala autoriti dari al-Sunnah pula, terdapat sebuah Hadis Nabi s.a.w yang berbunyi seperti berikut;

وَفِرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ

Bermaksud:

“Larilah dari orang yang terkena kusta sebagaimana kamu lari dari singa”.  
(Riwayat al-Bukhari)

- [9] Berdasarkan kepada nas al-Hadis di atas, jelaslah dapat disimpulkan bahawa penyakit kusta tersebut membawa kemudharatan dan perlu dihindari oleh manusia, justeru itu jika ia berlaku dalam perkahwinan dan mendatang kemudharatan kepada hubungan suami isteri, maka mereka boleh menuntut agar hubungan perkahwinan yang ada difasakhkan. Seterusnya, dalil daripada ijma' pula, semua ulama bersepakat mengatakan fasakh disyariatkan bertujuan menghapuskan *dharar* dan tiada seorang pun yang mengingkarinya.

- [10] Berkenaan dengan pengertian fasakh mengikut Hukum Syarak, di dalam kitab *al-Ahwal al-Syahsiah fi Syari'at al-Islam* oleh Muhammad Mahyuddin halaman 242, ada dinyatakan nas-nas berikut;

نقض عقد الزواج بسبب خلل وقع فيه وقت عقده أو بسبب خلل طراء عليه يمنع من بقائه واستمداده

Bermaksud:

“Pembatalan akad perkahwinan disebabkan 'kecacatan' yang berlaku pada waktu akad, atau disebabkan kecacatan yang mendatang yang menghalang daripada kekalnya perkahwinan”.

- [11] Melihat kepada pengertian fasakh yang dicatatkan di dalam tafsiran berkanun di bawah Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, ianya adalah “*ertinya pembubaran nikah disebabkan oleh sesuatu hal keadaan yang diharuskan oleh Hukum Syarak mengikut Seksyen 50,*”. Fasakh mengikut Hukum Syarak disyariatkan adalah bertujuan untuk membendung mudarat (atau *dharar*) yang menimpa atas diri isteri. Di dalam kitab *I'anat al-Talibin*, juzuk keempat, terbitan Darul Fikr Littiba'ah Wa Nashr Wa Tawzi', pada halaman 86 ada menyebut;

وَشَرَعَ أَيُّ الْفَسْخِ دَفْعًا لِضَرَرِ الْمَرْأَةِ

Bermaksud:

“Fasakh nikah disyariatkan bagi membendung mudarat (*darar*) yang akan menimpa atas diri isteri”

- [12] Di dalam kitab *al-Fiqh al-Islamiyy wa-Adillatuhu*, oleh Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli, juzuk 9, cetakan keempat, Darul Fikr, Damsyik, Syria, tahun 1418H/1997M, pada halaman 7041 menyebut:

ويلاحظ أن التفريق يختلف عن الطلاق بأن الطلاق يقع باختيار الزوج وإرادته، أما التفريق فيقع بحكم القاضي، لتمكين المرأة من إنهاء الرابطة الزوجية جبراً عن الزوج، إذا لم تفلح الوسائل الاختيارية من طلاق أو خلع

Bermaksud:

*“Pembubaran perkahwinan adalah berbeza dengan talaq (cerai), ini kerana cerai berlaku adalah dengan kehendak suami dan pilihannya sendiri, sedangkan pembubaran perkahwinan berlaku mengikut keputusan Hakim. Tujuan pembubaran perkahwinan ini adalah bagi membolehkan pihak isteri menamatkan ikatan perkahwinan dengan suaminya, setelah semua cara lain yang menjadi pilihan seperti cerai dan tebus talaq, tidak berjaya diperolehi.”*

- [13] Seterusnya, sebelum Mahkamah meneruskan huraian penghakiman ini, Mahkamah terlebih dahulu melihat kepada bidang kuasa Mahkamah untuk mendengar dan memutuskan kes ini. Tuntutan ini ialah tuntutan fasakh supaya Mahkamah memfasakhkan atau membubarkan perkahwinan Plaintiff dengan Defendan menurut Seksyen 50 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Seksyen tersebut memperuntukkan secara terperinci kesemua alasan-alasan yang membolehkan Mahkamah membubarkan sesuatu perkahwinan mengikut Hukum Syara’.
- [14] Mengikut undang-undang pula, bidangkuasa mengenai tuntutan fasakh, adalah diberi kepada Mahkamah Tinggi Syari’ah sebagai bidangkuasa asal dan juga kepada Mahkamah Rendah Syariah. Peruntukan sub-seksyen 11 (3) (b) (i) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 adalah dibaca bersama dengan sub-seksyen 12 (1) (b), enakmen yang sama. Sub-seksyen 11 (3) (b) (i) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

*Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-*

*(a)...*

*(b) dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—*

*(i) Pertunangan, perkahwinan, ruju’, perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;*

- [15] Manakala sub-seksyen 11(1)(b) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 pula memperuntukkan;

*Mahkamah Rendah Syariah hendaklah-*

*[1] ...*

*[2] dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai-nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).*

- [16] Fasakh juga adalah salah satu cara daripada beberapa cara pembubaran perkahwinan. Merujuk Seksyen 50 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, telah diperuntukkan alasan-alasan yang wajar yang boleh digunakan oleh isteri untuk membubarkan perkahwinan melalui fasakh, iaitu:

***Seksyen 50: Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh***

- (1) Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu—
- (a) bahawa tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;
- (b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tiga bulan;
- (c) bahawa suami telah—
- (i) dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih; atau
- (ii) dibuang negeri atau dideportasi menurut satu perintah dibuang negeri atau deportasi masing-masing di bawah undang-undang yang berhubungan dengan buang negeri atau imigresen;
- (d) bahawa suami telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh empat bulan;
- (e) bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;
- (f) bahawa isteri, setelah dikahwinkan oleh wali mujbirnya sebelum dia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur lapan belas tahun, dan dia belum disetubuhi oleh suaminya itu;
- (g) bahawa suami menganiayai isterinya, iaitu, antara lain—
- (i) secara lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;
- (ii) berkawan dengan perempuan yang berperangai jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak;
- (iii) cuba memaksa isteri hidup secara tidak bermoral;
- (iv) melupuskan harta isteri secara tidak sah disisi undang-undang atau berlawanan dengan Hukum Syara; atau melarang isteri daripada menggunakan haknya di sisi undang-undang atau haknya di bawah Hukum Syarak terhadap harta itu;
- (v) menghalang isteri daripada menunaikan kewajipan atau amalan agamanya; atau
- (vi) jika suami mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri-isteri secara adil mengikut kehendak Hukum Syarak;
- (h) bahawa walaupun selepas empat bulan berlalu, isteri masih belum disetubuhi kerana suami dengan sengaja enggan menyetubuhinya;
- (i) bahawa isteri tidak memberi keizinan akan perkahwinan itu atau keizinanannya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal, atau apa-apa hal keadaan lain yang diiktiraf oleh Hukum Syarak;

(j) bahawa pada masa perkahwinan itu isteri, sungguhpun berkebolehan memberi keizinan yang sah, adalah seorang yang kecelaruan mental, sama ada berterusan atau berselangan, dan kecelaruan mentalnya adalah daripada suatu jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin.

(2) Seseorang lelaki yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapatkan perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas alasan bahawa isteri menjadi tidak upaya mengikut Hukum Syarak yang menghalang persetujuan.

(3) Seseorang lelaki atau perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah atau membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh—

(a) atas alasan isterinya atau suaminya—

(i) sedang menghidap penyakit mental yang tidak boleh diubati;

(ii) sedang menghidap penyakit kusta atau vitiligo;

(iii) sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit; atau

(iv) sedang menghidap apa-apa penyakit yang boleh memudaratkan kesihatan pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu; atau

(b) atas apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh di bawah Hukum Syarak.

(4) Tiada perintah boleh dibuat atas alasan yang dinyatakan dalam subperenggan (1)(c)(i) sehingga hukuman itu telah menjadi muktamad dan suami itu telahpun menjalani empat bulan daripada hukuman itu.

(5) Tiada perintah boleh dibuat atas alasan yang dinyatakan dalam subperenggan (1)(c)(ii) sehingga berlalu tempoh empat bulan dari tarikh perintah buang negeri atau deportasi itu dilaksanakan.

(6) Sebelum membuat suatu perintah atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan (1)(e) Mahkamah hendaklah, atas permohonan suami, membuat suatu perintah menghendaki suami memuaskan hati Mahkamah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu bahawa dia tidak lagi mati pucuk, dan jika suami memuaskan hati Mahkamah sedemikian dalam tempoh itu, tiada sesuatu perintah boleh dibuat atas alasan itu.

- [17] Selain itu, Seksyen 42 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 pula menyatakan tentang keperluan keesahan perkahwinan sesuatu pasangan dan pemastautinan salah satu pihak-pihak di negeri Terengganu sebagai satu asas untuk kausa tindakan, yang memperuntukkan seperti berikut ;

***Seksyen 42: Takat kuasa untuk membuat sesuatu perintah***

*Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata, tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini membolehkan Mahkamah membuat*

*sesuatu perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian atau membenarkan seseorang suami melafazkan talaq kecuali—*

*(a) jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini; atau*

*(b) jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut Hukum Syarak; dan*

*(c) jika pemastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam Negeri Terengganu.*

- [18] Berhubung dengan perihal pemastautinan, Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 pula memberi tafsiran “*bermastautin*” ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu.
- [19] Berdasarkan kepada keterangan yang diberikan oleh Plaintiff, Saya berpuashati bahawa Plaintiff dan Defendan pada masa tuntutan ini diserahkan adalah bermastautin di dalam daerah Kemaman di alamat No 45 Lorong Ketapang 5, Taman Desa Darul Iman 3 Bukit Kuang, 24000 Kemaman, Terengganu, manakala Defendan pula beralamat penyampaian terakhir yang diketahui di alamat 2777-1, Jalan Feri Lama, Kampung Geliga, 24000 Kemaman, Terengganu. Daripada peruntukan–peruntukan undang-undang di atas jelaslah bahawa bidangkuasa mendengar dan memutuskan kes utama di hadapan saya ini boleh dibawa di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman, Terengganu dan Mahkamah ini adalah berbidangkuasa untuk mendengarnya.
- [20] Mahkamah suka menyatakan bahawa fakta tentang wujudnya perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan amat penting untuk diteliti sebagaimana peruntukan Seksyen 42 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 di atas tadi, kerana perceraian adalah timbul atau berbangkit dari perkahwinan yang sah mengikut Hukum Syara’. Di dalam kes ini fakta tentang wujudnya perkahwinan ialah, Plaintiff dengan Defendan telah diakad nikahkan pada 28 Jamadil Awwal, 1427 Hijrah bersamaan 26 Februari, 2004 berwalikan datuk Plaintiff bernama Saat bin Mat. Akad nikah itu telah dilangsungkan di Pejabat Kementerian Keadilan Mesir, Kaherah. Akad nikah perkahwinan Plaintiff dengan Defendan ini telah didaftarkan dengan Bilangan Daftar 33/2006, oleh Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ Orang Islam, Daerah Baling, Kedah. Sepanjang hidup sebagai suami isteri, pasangan Plaintiff dengan Defendan dikurniakan dua orang zuriat lelaki dan seorang zuriat perempuan serta mereka belum pernah bercerai sebelum ini.
- [21] Justeru itu, Mahkamah berpuashati dengan fakta berhubung wujudnya akad nikah perkahwinan antara Plaintiff dengan Defendan sebagaimana di atas, dan tidak pernah dipertikaikan oleh mana-mana pihak berhubung dengan keesahan perkahwinan tersebut.
- [22] Kes yang dibawa ke hadapan Saya ini merupakan tuntutan fasakh atau tuntutan untuk membubarkan ikatan perkahwinan, yang mana Plaintiff menuntut kepada mahkamah agar ikatan perkahwinannya dengan Defendan dibubarkan dengan beberapa alasan yang dikemukakan. Dalam kes ini, Mahkamah berpendapat ada dua isu utama yang menjadi soal yang perlu diputuskan iaitu;

Pertama: Adakah alasan-alasan fasakh yang dikemukakan oleh Plaintiff dibenarkan oleh Undang-Undang dan Hukum Syara’?



Kedua: Adakah Plaintiff dapat membuktikan wujudnya atau berlaku alasan-alasan yang dinyatakan itu dan sekaligus mahkamah boleh sabit tuntutan fasakh Plaintiff terhadap Defendan ini?

**Isu Pertama: Adakah alasan-alasan fasakh yang dikemukakan oleh Plaintiff dibenarkan oleh Undang-Undang dan Hukum Syara’?**

[23] Dalam kes ini, Mahkamah perlu mensabitkan adakah alasan-alasan yang dikemukakan oleh Plaintiff terhadap Defendan di dalam tuntutan ini dibenarkan oleh Hukum Syara’ dan Undang-undang. Bagi maksud itu, Mahkamah merujuk kepada Penyata Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan bertarikh 14.08.2018 yang menyatakan bahawa, Plaintiff merasakan tidak ada lagi persefahaman serta ikatan perkahwinan Plaintiff dengan Defendan tidak boleh diteruskan berdasarkan alasan-alasan berikut;

1. Pihak-pihak sering tidak bersefahaman dan tegang semenjak tahun 2017 dan tiada mawaddah dalam rumah tangga mereka.
2. Defendan telah dengan sengaja memberikan tekanan mental dan fizikal kepada plaintiff.
3. Defendan tidak bertanggungjawab serta cuai daripada menyediakan nafkah zahir dan batin serta nafkah tempat tinggal.
4. Defendan tidak menghargai Plaintiff sebagai seorang isteri.

[24] Meneliti kepada alasan dan hujahan yang dikemukakan oleh plaintiff melalui Peguam Syari’nya, menurut dakwaan Plaintiff, *pihak-pihak sering tidak bersefahaman dan tegang semenjak tahun 2017 dan tiada mawaddah dalam rumah tangga mereka*, ditambah dengan dakwaan bahawa *Defendan tidak menghargai Plaintiff sebagai seorang isteri*. Sebelum mahkamah mengulas lanjut berhubung isu ini, wajar untuk difahami berhubung apakah yang dimaksudkan dengan tuntutan di atas. Firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Rum* ayat 21 berkenaan soal mawaddah dalam kehidupan suami isteri:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Bermaksud:

*“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”*

[25] Perkahwinan bukan sahaja bertujuan untuk menghalalkan perhubungan antara lelaki dan perempuan secara sah di sisi syarak, malahan dalam pensyariatannya turut bertujuan untuk meraikan dan menggalakkan ketenangan jiwa dan perasaan berkasih-sayang sesama pasangan. Sekiranya sebuah perkahwinan itu membawa kepada mudarat atau pergaduhan yang berpanjangan, maka ia bertentangan dengan tujuan satu-satu perkahwinan. Penceraian merupakan satu perkara yang dibenci Allah tetapi dihalalkan kerana ia bertujuan untuk menolak hal yang lebih mudarat dan meleraikan syiqaq yang berpanjangan.

[26] Prinsip-prinsip dalam Islam telah menegaskan bahawa Islam menjamin keadilan dan membenci kezaliman serta mudarat sebagaimana firman Allah di dalam hadis qudsi:

أبي ذر الغفاري رضي الله عنه ، عن النبي صلى الله عليه وسلم فيما يرويه عن ربه عز وجل أنه قال : يا عبادي إني حرمت الظلم على نفسي ، وجعلته بينكم محرماً فلا تظالموا

Bermaksud:

“Dari Abi Zar r.a. meriwayatkan dari Nabi s.a.w. Bahawa Allah telah berfirman: Wahai hamba-hambaku sesungguhnya aku haramkan kezaliman itu di antara kamu.” (Riwayat Muslim, Hadis 2577)

- [27] Menurut satu kaedah Fiqh sebagaimana di dalam Kitab *Ashabu Wa An-Nadhair Fi Qawaid Al-Fiqhiyyah*, karangan Imam Jamaluddin Abdul Rahman As Sayuthi yang menyatakan bahawa:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Bermaksud:

“Menolak kerosakan-kerosakan lebih utama daripada menarik kemaslahatan-kemaslahatan.”

- [28] Dalam kitab *Al-Fiqh Al-Islami wa-Adillatuhu*, oleh Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhayli, juzuk 9, cetakan keempat, Darul Fikr, Damsyik, Syria, tahun 1418H/ 1997M, pada muka surat 7060 ketika menjelaskan pembubaran perkahwinan kerana tidak sehaluan, deraan (mendatangkan mudarat (*dharar*)) dan layanan buruk, ada menyebutkan;

الشقاق هو النزاع الشديد بسبب الطعن في الكرامة. والضرر: هو إيذاء الزوج لزوجته بالقول أو بالفعل، كالشتم المقذع والتقييح المخل بالكرامة، والضرب المبرح، والحمل على فعل ما حرم الله، والإعراض والهجر من غير سبب يبيحه، ونحوه

Bermaksud:

"Tidak sehaluan ialah pergaduhan yang teruk disebabkan batas kemuliaan. Maksud deraan (mendatangkan mudarat (*dharar*)) ialah siksaan suami ke atas isteri dengan perkataan dan perbuatan. Umpamanya maki hamun, momokan yang menghilangkan kemuliaan, pukulan yang mencederakan, memperlakukan dengan perbuatan yang diharamkan Allah swt, memulau dan meninggalkan tanpa sebab yang mengharuskan dan sebagainya."

- [29] Ulama berpendapat sepertimana dalam Mazhab Maliki bahawa kewujudan syiqaq iaitu pergaduhan yang berpanjangan antara suami dan isteri menyanggahi tujuan perkahwinan. Maka, diharuskan penceraian bagi mengelakkan pertelingkahan berterusan hingga menyebabkan rumahtangga menjadi bala bencana. Ia dapat dilihat berdasarkan hadith:

قال رسول الله: لا ضرر ولا ضرار

Bermaksud:

“Tidak ada kemudaratan yang memudaratkan”.

- [30] Merujuk Seksyen 50 (3) (b) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, telah diperuntukkan alasan-alasan yang wajar yang boleh digunakan oleh isteri untuk membubarkan perkahwinan melalui fasakh, iaitu :

***Seksyen 50: Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh***

(1) *Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu—*

- (a) ...
- (b) ...
- (c) ...
- (d) ...
- (e) ...
- (f) ...
- (g) *bahawa suami menganiayai isterinya, iaitu, antara lain—*

(i) *secara lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;*

- (ii) ...
- (iii) ...
- (iv) ...
- (v) ...
- (vi) ...

- (h) ...
- (i) ...
- (j) ...

(2) ...

(3) *Seseorang lelaki atau perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah atau membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh—*

- (a) ...
- (b) *atas apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh di bawah Hukum Syarak.*

[31] Alasan-alasan mengikut undang-undang ini dilihat telah memenuhi kehendak Hukum Syarak sebagaimana yang disebut oleh Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhayli di atas tadi. Dalam kes ***Hairun bt. Mohd Sharif Iwn. Omar bin Mohd Noor***, JH[1414] 289, dalam penghakimannya, Tan Sri Dato' Haji Mohd Azmi, Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Selangor, antara lain menjelaskan:

*'Maka nyatalah bahawa perkara pokok di bawah Seksyen 52(1)(h) [bersamaan dengan para 49(1)(h) Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985] ialah penganiayaan (cruelty) oleh suami terhadap isteri dan sebagai contoh, enam (6) ilustrasi telah dinyatakan di dalam perenggan kecil (i) hingga (vi). Contoh-contoh ini hendaklah dianggap sebagai 'antara lain'. Yang kedua, sungguh pun di bawah Seksyen 52(1)(h) penganiayaan terhadap isteri boleh berlaku di dalam dua bentuk, iaitu dalam bentuk fizikal atau dalam bentuk mental, contoh penganiayaan bercorak memukul secara fizikal tidak diberi oleh kerana aniaya amat nyata dengan sendirinya dan mengikut Hukum Syara' memukul isteri secara fizikal*

*adalah satu penganiyaan melainkan di dalam sesuatu keadaan tertentu. Kadang kala penganiyaan boleh juga dilakukan di dalam kedua-dua bentuk.'*

- [32] Prinsip dharar ini telah diterima oleh kebanyakan negara-negara Islam termasuklah Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia dan Undang-Undang Keluarga Islam 1984 Negeri Selangor juga telah menerima prinsip ini.
- [33] Jika diteliti dengan lebih mendalam, prinsip pembubaran perkahwinan atau fasakh kerana 'aniaya' atau *dharar* ini tidaklah disyaratkan penganiyaan atau dharar terhadap tubuh badan sahaja, malahan lebih luas dari itu termasuk enggan bercakap dengan isteri, membelakangkan isteri atau memalingkan muka darinya semasa di katil, mengutamakan memberi layanan kepada perempuan lain dari isteri, memukul dengan pukulan yang menyakitkan dan seterusnya dan tidaklah disyaratkan pukulan itu dilakukan berulang kali dan lazim. (Dr. Ahmad Al-Husary, *Al-Ahwal Al-Shakhsiyyah*, Maktabah Al-Kulliyat Al-Azhariyyah, 1968, hal: 727, Mesir).
- [34] Dalam isu ini, setelah Mahkamah meneliti berkenaan tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff, Mahkamah berpuas hati bahawa isu berkenaan wujud *dharar* atau *syiqaq* yang berpanjangan dalam perkahwinan adalah salah satu alasan yang diharuskan untuk menuntut fasakh menurut Hukum Syarak dan Undang-undang.
- [35] Meneliti kepada alasan kedua yang dikemukakan oleh Plaintiff, menurut dakwaan Plaintiff, beliau memohon untuk bercerai secara fasakh antara lainnya memandangkan *Defendan telah dengan sengaja memberikan tekanan mental dan fizikal kepada plaintiff*. Berhubung alasan tersebut, suka untuk Mahkamah membuat sedikit rujukan ringkas berkaitan kewajipan seorang suami untuk melayani dan berbuat baik kepada isteri dan melarang dari membuat aniaya atau apa-apa perbuatan yang menyebabkan *dharar* kepadanya. Mahkamah merujuk kepada ayat al-Qur'an, Allah S.W.T berfirman dalam surah *al-Nisa'* ayat 34:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۗ  
فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۗ وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ  
وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ ۚ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْعُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
عَلِيمًا كَبِيرًا

Bermaksud:

*“Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh karena Allah Telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan Karena mereka (laki-laki) Telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. sebab itu Maka wanita yang saleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh Karena Allah Telah memelihara (mereka). wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, Maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, Maka janganlah kamu mencaricari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar.”*

- [36] Manakala di dalam satu Hadis Nabi s.a.w, Ibnu Umar r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Bermaksud:

“Kamu semua adalah pemimpin, dan kamu semua akan ditanya tentang pimpinan kamu.”  
(Hadis riwayat Al-Bukhari)

- [37] Manakala berdasarkan dalil daripada hadis ialah sabda Rasulullah s.a.w daripada Riwayat Muslim dalam Kitab Haji, Bab Haji Nabi s.a.w, nombor 1218 daripada Jabir r.a di dalam haji *wada'* yang panjang:

فَاتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ ، فَإِنَّكُمْ أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانِ اللَّهِ ، وَاسْتَحْلَلْتُمْ فُرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةٍ  
اللَّهِوَلَكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لَا يُوطِئَنَّ فُرْشَكُمْ أَحَدًا تَكَرُّهُنَّ ، فَإِنْ فَعَلَنْ ذَلِكَ فَاصْرُبُوهُنَّ ضَرْبًا  
غَيْرْمُبْرَحٍ وَهِنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Bermaksud:

“Bertaqwalah kepada Allah dalam mengendalikn urusan perempuan (isteri).Kamu mengambil mereka dengan amanah Allah dan kamu menghalalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah.Hak kamu yang wajib ditunaikan oleh isteri kamu ialah tidak membenarkan sesiapa yang kamu benci memijak kakinya ke tempat tidurnu (memasuki rumahmu). Jika kamu melakukannya, pukullah mereka dengan pukulan yang tidak menyakitkan (tidak mencederakan). Kewajipan kamu pula ialah memberi nafkah dan pakaian kepada mereka dengan baik. “  
(Hadis Riwayat Muslim)

- [38] Dalam hadis yang lain, Abu Hurayrah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ، فَلَا يُوْذِي جَارَةً . وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا ،  
فَإِنَّهُنَّ خُلْفَاءُ مَنْ ضَلَعٍ وَإِنْ أَعْوَجَ شَيْءٌ فِي الصِّلَعِ أَعْلَاهُ . فَإِنْ ذَهَبَتْ تُقِيمُهُ كَسْرَتُهُ ،  
وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ . فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

Bermaksud:

“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka jangan menyakiti jirannya. Aku berpesan kepada kamu supaya berbuat baik dan mengambil berat tentang wanita, sesungguhnya mereka dijadikan daripada tulang rusuk yang paling bengkok iaitu yang di bahagian atasnya. Jika kamu cuba membetulkannya dengan keras, ia akan patah dan jika kamu biarkannya ia akan terus bengkok. Maka terimalah wasiatku kepada kamu supaya berbuat baik dan mengambil berat tentang wanita.”  
(Hadis riwayat Bukhari no: 4890)

- [39] Berhubung dengan perkara penganiayaan yang dilakukan oleh Defendan sebagaimana didakwa Plaintiff terutamanya melibatkan penderaan fizikal dan mental, Mahkamah meneliti kepada satu Hadis Nabi s.a.w yang melarang mana-mana orang melakukan apa jua kezaliman kepada manusia yang lain iaitu:

أَلَا لَا تَظْلَمُوا ، أَلَا لَا يَحِلُّ مَالُ امْرِئٍ إِلَّا يَطِيبَ نَفْسَ مَنْهُ

Bermaksud:

“Janganlah kamu menzalimi dan tiada halal harta seseorang muslim yang diambil tanpa disertai rela dan izin dari pemiliknya.”  
(Riwayat Ahmad)

- [40] Terdapat salah satu kaedah fiqh yang menyatakan bahawa setiap kemudharatan yang berlaku perlulah dihilangkan iaitu:

الضرر يزال

Bermaksud:

*Kemudharatan hendaklah dihilangkan.*

- [41] Mengikut peruntukan undang-undang pula, Seksyen 50 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 menyatakan:

***Seksyen 50: Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh***

(1) *Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu—*

- (a) ...
- (b) ...
- (c) ...
- (d) ...
- (e) ...
- (f) ...
- (g) *bahawa suami menganiayai isterinya, iaitu, antara lain—*

(i) *secara lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;*

- (ii) ...
- (iii) ...
- (iv) ...
- (v) ...
- (vi) ...
- (h) ...
- (i) ...
- (j) ...

(2) ...

(3) *Seseorang lelaki atau perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah atau membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh—*

- (c) ...
- (d) *atas apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh di bawah Hukum Syarak.*

- [42] Alasan-alasan di atas membawa maksud iaitu meletakkan isteri dalam keadaan yang tertekan terutamanya dengan sewenang-wenangnya memukul isteri, menggunakan wang dan isteri untuk kepentingan peribadi, berhutang, berfoya-foya dan seumpamanya merupakan suatu penindasan dan penganiayaan yang nyata kepada

isteri. Saya merujuk kepada kes *Hasnah binti Omar lwn Zaaba bin Mohamad Amin* (1995) 10 JH 59 di mana Yang Arif Hakim Dato' Haji Ismail Yahya, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, Terengganu merujuk kepada Kitab *Tanat al-Talibin* juzuk 4, halaman 86 ada disebut bahawa:

*“Fasakh nikah disyariatkan untuk membendung mudharat yang menimpa atas diri isteri”*

- [43] Seterusnya, merujuk kepada kes yang sama pada halaman 61, Yang Arif Hakim Dato' Haji Ismail Yahya, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, Terengganu memberi pandangan sebagaimana berikut:

*‘...Jika diteliti dengan mendalam, prinsip pembubaran perkahwinan atau fasakh kerana ‘aniaya’ atau dharar ini tidaklah disyaratkan penganiayaan atau dharar terhadap tubuh badan sahaja, malahan lebih luas dari itu termasuk enggan bercakap dengan isteri, membelakangkan isteri atau memalingkan muka semasa di katil, mengutamakan memberi layanan kepada perempuan lain dari isteri, memukul dengan pukulan yang menyakiti dan seterusnya dan tidaklah disyaratkan pukulan itu dilakukan berulang kali dan lazim (Dr. Ahmad al-Hussary, al-Shakhsyiyah. Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah 1968, halaman 726, Mesir)*

- [44] Berbalik kepada tuntutan Plaintiff di atas, Mahkamah sekali lagi ingin merujuk kepada kes di atas iaitu pada halaman 63–64 mengenai pandangan Yang Arif Hakim dalam kes tersebut iaitu:

*“...tidak dinamakan pergaulan ma’ruf telah diwujudkan jika suasana rumahtangga persengketaan, pergaduhan sentiasa berlaku, hak dan kewajiban tidak ditunaikan dan kelaziman terus dilakukan. Firman Allah S.W.T dalam surah **al-Nisa’** ayat 19:*

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَجِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرْتُوا النِّسَاءَ كَرْهًا ۖ وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا آتَيْنَهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَةٍ ۚ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

Bermaksud:

*“Hai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mempusakai wanita dengan jalan paksa dan janganlah kamu menyusahkan mereka Karena hendak mengambil kembali sebagian dari apa yang Telah kamu berikan kepadanya, terkecuali bila mereka melakukan pekerjaan keji yang nyata. dan bergaullah dengan mereka secara patut. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) Karena mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak.”*

- [45] Tiada sesiapaupun wajar untuk dipaksa hidup menderita dalam perkahwinan kerana sebenarnya perkahwinan dibina atas *ma’ruf*. Rasulullah s.a.w telah bersabda :

Bermaksud:

*...takutlah kamu kepada Allah dalam urusan perempuan kerana sesungguhnya kamu telah mengambil mereka dengan amanah Allah S.W.T dan kamu dihalalkan faraj mereka dengan kalimah Allah...*

[46] Perkahwinan adalah akad yang mulia atas persetujuan kedua-dua belah pihak. Oleh itu, penganiayaan terhadap mana-mana pihak adalah tidak wajar untuk dilakukan. Jika sesuatu perkahwinan itu ternyata telah gagal di mana tujuan sucinya dan matlamat murninya tidak tercapai, sebaliknya telah menimbulkan mudharat, kesusahan, penderitaan, pertengkaran, dan penindasan dari sudut harta dan emosi seperti kes yang dihadapi ini, maka sebagai langkah terakhir perkahwinan itu bolehlah dibubarkan. Pembubaran ini hendaklah dibuat secara baik (*ma'ruf*) dan bertimbangrasi (*ihsan*), ianya boleh dilakukan pada bila-bila masa sama ada melalui talaq, fasakh atau khulu'...

[47] Seterusnya, Saya merujuk kepada istilah "*lazim menyakiti*" sebagaimana dipetik dalam kes tersebut di muka surat 64 iaitu :

*Di dalam Kamus Dewan 'lazim' bermakna telah umum (dipakai, dilakukan dan lain-lain) biasa, ghalib, selalu, umumnya, manakala 'menyakiti' bermakna menyebabkan berasa sakit (sengsara, sedih, pilu dan lain-lain)*

[48] Lazim menyakiti tidak semestinya selalu memukul fizikal atau mendera fizikal tetapi "rasa tertindas" yang dirasai oleh Plaintiff di dalam kes ini juga boleh dirujuk sebagai lazim menyakiti sekiranya ia dialami seperti mana di dalam konteks kes semasa ini.

[49] Saya juga ingin merujuk kepada kes **Rosliah Abu Kassim lwn. Abdul Rahman Ibrahim** [2004] CLJ (Sya) 270 di halaman 271, Yang Arif Hakim Mahmud Saedon Awang Othman memberi penghakiman berikut :-

[1] Perkahwinan harus dibina atas landasan ma'ruf dan tidak penganiayaan. Dengan itu, walaupun talak tidak digalakkan oleh Islam, tidak ada siapa pun yang boleh dipaksa hidup menderita di dalam perkahwinan yang ia tidak suka. Dengan kata lain, jika sesuatu perkahwinan itu ternyata telah gagal dan jika tujuan dan matlamatnya sudah tidak boleh dicapai, apalagi jika ianya menimbulkan mudarat, kesusahan, penderitaan, pertengkaran dan perkelahian, maka berpisah dengan cara yang ma'ruf adalah lebih baik sebagai jalan penyelesaian.

[2] Berdasarkan keterangan, kedua pasangan suami isteri di sini sudah tidak boleh hidup bersama sebagai suami isteri dengan aman damai. Dalam keadaan sedemikian, tujuan perkahwinan dan kerukunan rumahtangga seperti yang dikehendaki oleh Islam sudah tidak dapat diwujudkan di antara mereka.

[50] Secara keseluruhannya, adalah dihujahkan bahawa perbuatan seorang suami iaitu Defendan di dalam kes ini yang didakwa telah lazim menyakiti dan menganiaya Plaintiff serta menjadikan kehidupan Plaintiff menderita kesakitan fizikal dan emosi disebabkan oleh kelakuan aniaya Defendan tersebut merupakan antara alasan yang



boleh digunakan untuk Plaintiff memohon perceraian secara fasakh mengikut Hukum Syara' dan Undang-Undang.

- [51] Meneliti kepada alasan yang dikemukakan oleh Plaintiff, menurut dakwaan Plaintiff, *Defendan tidak bertanggungjawab serta cuai daripada menyediakan nafkah zahir dan batin serta nafkah tempat tinggal*. Sebelum Mahkamah mengulas lanjut berhubung isu ini, wajar untuk difahami berhubung apakah yang dimaksudkan dengan nafkah mengikut hukum syarak?. Firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Baqarah* ayat 233 menyentuh soal kewajipan nafkah bagi seseorang suami / bapa:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُبْرِئَ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Bermaksud:

*Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, yaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. dan kewajiban ayah memberi makan dan Pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf. seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan Karena anaknya dan seorang ayah Karena anaknya, dan warispun berkewajiban demikian. apabila keduanya ingin menyapih (sebelum dua tahun) dengan kerelaan keduanya dan permusyawaratan, Maka tidak ada dosa atas keduanya. dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, Maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut. bertakwalah kamu kepada Allah dan Ketahuilah bahwa Allah Maha melihat apa yang kamu kerjakan.*

- [52] Berhubung dengan hak nafkah ini yang perlu ditunaikan oleh suami apabila berlaku akad nikah perkahwinan, Mahkamah merujuk kepada peruntukan nas-nas fiqh di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* oleh Shaykh Shams al-Din bin Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Sharbini di dalam *bab al-Nafaqah*, jilid 5, halaman 151 menyebut:

والحقوق الواجبة بالزوجية سبعة: الطعام، والاء دام، والكسوة، والاءسكان، وآلة التنظيف، ومتاع البيت، والسكنى، وخادم إن كانت ممن تخدم

Bermaksud:

*Dan adapun hak-hak berkaitan dengan isteri ada tujuh perkara iaitu makanan, lauk pauk, pakaian, alat kebersihan diri, barangan keperluan di dalam rumah, tempat tinggal dan pembantu rumah sekiranya isteri memerlukan/mempunyai pembantu rumah.*

- [53] Sehubungan dengan itu juga, suka untuk Mahkamah membuat sedikit rujukan ringkas berkaitan kewajipan seorang suami untuk memberikan nafkah kepada isteri, Mahkamah merujuk kepada peruntukan nas-nas fiqh di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* oleh Shaykh Shams al-Din bin Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Sharbini, jilid 5, halaman 186:

(وهي) أي نفقة القريب (الكفاية) لقوله صلى الله عليه وسلم : (( حُذِرِي مَا يَكْفِيكَ وَوَلَدَكَ بِالْمَعْرُوفِ )) ، ولأنها تجب على سبيل الموساة لدفع الحاجة الناجزة ، ويعتبر سنة وزهادته ورغبته ، .....(وتسقط بفواتها) بمضي الزمان ، وان تعدى المنفق بالمنع ، لأنها وجنت بدفع الحاجة الناجزة ، وقد زالت ، بخلاف نفقة الزوجة فانها معاوضة (و) حينئذ (لا تصير ديناً) في ذمته (إلا بفرض) بالغاء بخطه (قاض، إو إذنه في اقتراض) بالقاف (لغبية أو منع) فانها تصير ديناً في ذمته لتأكد ذلك بفرض القاضي أو إذنه فيه.

Bermaksud:

*Dan nafkah kepada kaum keluarga yang dekat adalah dengan kadar yang mencukupi berdasarkan kepada sebuah hadis Nabi s.a.w, “Kamu ambillah (dari harta suamimu itu) apa yang mencukupi buatmu dan anakmu secara yang baik”. Ini kerana kewajipan nafkah kepada kaum kerabat yang dekat itu dalam bentuk menghilangkan kemudharatan dengan tujuan menyempurnakan hajat keperluan yang timbul. Oleh itu, ia diambil kira berdasarkan kepada usia, zuhudnya dan keinginannya.....*

*Dan kewajipan memberi nafkah kepada kaum kerabat yang dekat itu gugur dengan berlalunya masa, walaupun orang yang memberi nafkah itu telah menahan nafkah secara tidak sepatutnya, kerana kewajipan nafkah itu bagi tujuan menyempurnakan hajat keperluan yang timbul sedangkan keperluan tersebut telah pun hilang. Berbeza dengan nafkah kepada isteri (tidak gugur walaupun berlalunya masa) kerana kewajipan nafkah kepadanya adalah berdasarkan kepada pergantian (mu'awadhah).*

[54] Dalam kitab *Kifayatul Akhyar* juzuk 2, pada halaman 89, ada menyebut tentang nafkah bagi seseorang isteri:

ونفقة الزوجة الممكنة من نفسها واجبة وهي مقدره , اذا كان الزوج موسر فمدان من غالب قوتها ومن الادم والكسوة ما جرت به العادة . وان كان معسرا فمد و ما يتأدم به المعسرون ويكسونه . وان كان متوسطا فمد ونصف من الأدم والكسوة الوسط

Bermaksud:

*Memberi belanja (nafkah) kepada isteri yang taat (yang menyerahkan dirinya kepada suaminya) adalah wajib, dan ianya mengikut kadar penilaian berikut; apabila si suami kaya diberikan sebanyak dua mud makanan yang biasa dimakan dan lauk pauk serta pakaian menurut kebiasaan. Dan kalau suami miskin, nafkah isteri ialah satu mud makanan dan lauk pauk yang biasa dimakan serta pakaian yang biasa mereka pakai. Jika suami dari golongan menengah, kadar nafkah isteri ialah satu setengah mud makanan dan lauk pauk serta pakaian juga menurut kebiasaan golongan menengah.*

[55] Justeru itu, jelas bahawa nafkah isteri adalah antara tanggungjawab seorang suami yang telah difardhukan oleh Allah S.W.T terhadap seseorang isterinya dalam masa

perkahwinan dan hukum kefardhuan tersebut telah pun dikanunkan di dalam Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam setiap negeri. Prinsip ini telah dijelaskan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang meletakkan tanggungjawab utama membayar nafkah isteri tersebut ialah ke atas suami. Nafkah sebagaimana yang diterima pakai oleh Syara' mestilah terdiri daripada nafkah zahir dan batin termasuk makan minum, pakaian, tempat tinggal, pembantu rumah (jika ada keperluan dan suami pula berkemampuan) dan giliran bermalam (bagi seseorang suami yang berpoligami). Di antara nas al-Qur'an yang menyentuh tentang kewajipan nafkah isteri ini ialah firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Baqarah* ayat 233 sebagaimana yang dinyatakan terdahulu.

- [56] Seterusnya merujuk kepada dalil al-Sunnah yang menyebut tentang perkara tersebut ialah sebuah Hadis Nabi s.a.w yang diriwayatkan Muslim, Abu Dawud dan Malik serta lain-lain dari Jabir r.a berbunyi:

اتقوا الله في النساء ، فإنهن عنوان عندكم ، أخذتموهن بأمانة الله ، واستحللتم فروجهن بكلمة الله ، ولهن عليكم ورزقهن وكسوتهن بالمعروف

Bermaksud:

*Takutlah kepada Allah dalam urusan perempuan. Sesungguhnya mereka tiada kebebasan di sisi kamu, kamu mengambil mereka dengan amanah Allah S.W.T dan kamu menghalalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah S.W.T. Dan wajib ke atas kamu memberi makan dan pakaian kepada mereka dengan cara ma'ruf.*

- [57] Sehubungan dengan itu, jelas bahawa perkara ini juga telah diperakui statut dan ia telah dikanunkan yang mana, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu), 1985 di dalam sub-seksyen 58(1) memperuntukkan:

*Tertakluk kepada Hukum Syara', Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.*

- [58] Peruntukan di atas memberi hak kepada isteri untuk membuat tuntutan nafkah jika suami gagal membayar nafkah dalam masa perkahwinan dan hak ini juga terpakai kepada tuntutan nafkah dalam masa 'iddah.

- [59] Dalam kitab *Fiqh al-Islamiy wa Adillatuhu*, jilid 7, karangan Wahbah al-Zuhayli yang mana beliau merujuk pendapat Jumhur berhubung fasakh atas dasar tidak memberikan nafkah kepada isteri yang mana ketiga-tiga Imam Mazhab lain mengharuskan pemisahan dibuat atas sebab tidak memberi nafkah isteri.

- [60] Sepertimana Firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Baqarah* ayat 231:

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَعْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرَحوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ وَلَا تَتَّخِذُوا آيَاتِ اللَّهِ هُزُوًا وَاذْكُرُوا أَنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ وَمَا أَنْزَلَ عَلَيْكُم مِّنَ الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةِ يَعِظُكُم بِهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Bermaksud:

*Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu mereka mendekati akhir iddahnya, Maka rujukilah mereka dengan cara yang ma'ruf, atau*

*ceraikanlah mereka dengan cara yang ma'ruf (pula). janganlah kamu rujuki mereka untuk memberi kemudharatan, Karena dengan demikian kamu menganiaya mereka. barangsiapa berbuat demikian, Maka sungguh ia Telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri. janganlah kamu jadikan hukum-hukum Allah permainan, dan ingatlah nikmat Allah padamu, dan apa yang telah diturunkan Allah kepadamu yaitu Al Kitab dan Al hikmah (As Sunnah). Allah memberi pengajaran kepadamu dengan apa yang diturunkan-Nya itu. dan bertakwalah kepada Allah serta Ketahuilah bahwasanya Allah Maha mengetahui segala sesuatu.*

[61] Memegang isteri tanpa memberi nafkah adalah merupakan suatu perbuatan yang memudaratkan dan ia merupakan suatu kezaliman yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seseorang suami atau Defendan.

[62] Turut dijelaskan dalam kitab *al-Ta'liq li 'Adamul Infaq* tulisan Dr. Muhammad Kamaluddin, cetakan Kuliah Undang-Undang Universiti Iskandariyyah, Mesir, iaitu:

شروط التفريق للإعسار: قيام زوجية صحيحة؛ مطالبة الزوجة بالإنفاق ثم بالتفريق لعدم الإنفاق؛ استحقاق الزوجة للنفقة بعدم وجود ما يمنع من استيفائها؛ و صدور حكم من حاكم

Bermaksud:

*Syarat fasakh kerana tidak memberi nafkah adalah dilihat kepada perkara berikut iaitu wujudnya perkahwinan yang sah disisi hukum syara'; isteri menuntut suami memberi nafkah kemudian difasakhkan jika suami gagal laksanakan tuntutan isteri; isteri adalah seorang yang layak dapat nafkah; dan apabila diperintahkan fasakh oleh Hakim.*

[63] Selain itu, merujuk kepada kitab *al-Ashbah wa al-Nazair* oleh al-Imam Jalaluddin al-Suyuti, jilid 1, halaman 181, yang menyatakan bahawa sepasang suami isteri yang telah lama hidup bersama, kemudian isteri mendakwa bahawa suaminya tidak memberi pakaian dan nafkah, maka dakwaan isteri diterima. Ini kerana asalnya kedua-dua (pakaian dan nafkah) masih dalam tanggungan suami, dan dakwaan tidak memberi nafkah dan pakaian adalah diyakini.

[64] Hal ini diperteguhkan dengan peruntukan yang diberi di dalam Seksyen 50 (1) (b) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang begitu jelas memperuntukkan berhubung dengan pemberian nafkah terhadap isteri ini:

***Seksyen 50: Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh***

(1) *Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu—*

(a) .....

(b) *bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tiga bulan;*

- [65] Dalam isu yang pertama ini, setelah Mahkamah meneliti kefardhuhan nafkah bagi seorang suami terhadap isterinya, serta melihat kepada syarat-syarat yang telah digariskan bagi pensabitan pembubaran perkahwinan secara fasakh, Mahkamah berpuashati bahawa ketidak-bertanggungjawaban serta kecuaiannya daripada menyediakan nafkah zahir dan batin serta nafkah tempat tinggal yang dikemukakan oleh Plaintiff terhadap Defendan di dalam kes ini adalah salah satu alasan yang diharuskan untuk menuntut fasakh menurut Hukum Syarak dan undang-undang.

**Isu Kedua: Adakah Plaintiff dapat membuktikan wujudnya atau berlaku alasan-alasan yang dinyatakan itu dan sekaligus Mahkamah boleh sabit tuntutan fasakh Plaintiff terhadap Defendan ini?**

- [66] Bagi membuat pertimbangan sama ada Plaintiff telah mencapai beban pembuktian dakwaannya bagi mensabitkan kes ini, mahkamah terlebih dahulu merujuk kepada firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 49:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۗ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ

Bermaksud:

*Dan hendaklah Engkau menjalankan hukum di antara mereka Dengan apa Yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum Yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanya ianya Allah mahu menyiksa mereka Dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang Yang fasik.*

- [67] Allah SWT selanjutnya berfirman dalam surah al-Nisa ayat 135:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا ۗ وَإِنْ تَلَوُّوا أَوْ نَعَرْتُمْ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi Yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

[68] Berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran yang disebutkan di atas, dapat difahami bahawa Allah SWT memerintahkan kita menghukum berdasarkan apa yang telah diturunkan dan diperintahkan-Nya disamping melarang kita daripada menyeleweng atau mengikut hawa nafsu. Ayat tersebut juga menyatakan bahawa tanpa keterangan yang benar dan jelas, sudah pasti keadilan tidak dapat ditegakkan. Selain itu ayat tersebut juga menerangkan kepentingan keterangan dan kesaksian hendaklah dilaksanakan dengan seadil yang mungkin dan mana-mana saksi yang dipanggil ke mahkamah adalah saksi mahkamah kerana Allah dan bukan saksi pihak-pihak yang terlibat.

[69] Mahkamah juga merujuk kepada hadis Rasulullah SAW daripada Sahih Muslim, *Syarh al-Nawawi* Jilid 12, halaman 4:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّكُمْ تَحْتَصِمُونَ إِلَيَّ وَلَعَلَّ بَعْضَكُمْ أَنْ يَكُونَ الْحَرَجُ بِحُجَّتِهِ مِنْ بَعْضٍ فَأَقْضِي لَهُ عَلَى نَحْوِ مِمَّا أَسْمَعُ مِنْهُ فَمَنْ قَطَعْتَ لَهُ مِنْ حَقِّ أَحِيهِ شَيْئًا فَلَا يَأْخُذْهُ فَإِنَّمَا أَقْطَعُ لَهُ بِهِ قِطْعَةً مِنَ النَّارِ

Bermaksud:

*Dari Umi Salamah berkata, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda, 'Kamu telah bertikai di hadapanku, mungkin ada di antara kamu yang lebih petah berhujah (memberikan keterangan) daripada yang lain, lalu aku menghukum berdasarkan apa yang aku dengar daripadanya: sesiapa yang telah aku hukuman (berikan) baginya hak saudaranya sesuatu (yang tidak berhak lantaran hujahnya yang petah) jangan ia mengambilnya, kerana aku telah memotong baginya sekeping api neraka'.*

[70] Hadis tersebut telah memberikan panduan kepada seseorang hakim berhubung betapa pentingnya keterangan dan hujah dalam sesuatu perbicaraan dan tanpa keterangan dan hujah, hukuman tidak dapat dijatuhkan dan keputusan tidak dapat diberikan. Hakim juga hendaklah membuat penghakiman terhadap apa yang didengarnya (dikemukakan kepadanya) oleh pihak-pihak dalam mahkamah sahaja.

[71] Selanjutnya, Mahkamah merujuk kepada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan Ahmad:

لو يعطي الناس بدعواهم لادعى رجال اموال قوم ودماءهم لكن البينة على المدعي واليمين على من انكر

Bermaksud:

*Jika manusia diberi segala apa yang didakwanya nescaya ada di antara manusia yang mendakwa harta sesuatu kaum dan menuntut hutang darah mereka. Tetapi pembuktian adalah ditanggung oleh orang yang mendakwa dan sumpah dikenakan ke atas orang yang ingkar.*

[72] Matan hadis tersebut telah dikanunkan menjadi matan perundangan sebagaimana peruntukan Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 seperti berikut:

***Seksyen 72. Beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes mal.***

*Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-Mudda 'ii) dan orang-orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Mudd'a 'alaih).*

- [73] Manakala dalam Seksyen 73 (1) dan (2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 menyebut:

***Seksyen 73. Beban membuktikan.***

*(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.*

*(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.*

- [74] Berdasarkan kepada Hadis dan peruntukan undang-undang tersebut, jelaslah dalam kes ini oleh kerana Plaintiff yang menegaskan untuk Mahkamah memberikan penghakiman kepadanya menurut apa yang telah didakwa/dituntut Plaintiff, maka beban membuktikan atau tanggungjawab mengemukakan keterangan di dalam kes ini terletak kepada Plaintiff. Sekiranya Plaintiff gagal membuktikan dakwaannya mengikut Hukum Syarak dan undang-undang, Mahkamah akan menolak tuntutan.

- [75] Persoalannya apakah keterangan yang boleh dikemukakan oleh Plaintiff untuk membuktikan kesnya memenuhi beban pembuktian yang telah ditetapkan oleh Hukum Syarak? Bagi perkara ini, Mahkamah merujuk kepada Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang membuat tafsiran terhadap perkataan keterangan, *bayyinah*, *syahadah* dan *qarinah* seperti berikut:

"keterangan" termasuklah-

*a) bayyinah dan syahadah;*

*b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan perkara-perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;*

*c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar;*

"*bayyinah*" ertinya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*

"*syahadah*" ertinya apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz "*asyhadu*" untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan

"*qarinah*" ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen ini

[76] Plaintiff telah memberi keterangan serta mengemukakan dokumen-dokumen di Mahkamah untuk menyokong dakwaan-dakwaan yang dibuat terhadap Defendan dalam kes ini. Di samping itu, Plaintiff juga telah membawa dua orang saksi yang mana kedua-duanya perempuan untuk menjadi Saksi Plaintiff (SP) dalam kes ini, iaitu Murni binti Jusoh (SP1) dan Nor'aini binti Tahir (SP2). Selain itu juga, Defendan turut memberikan keterangan bagi pihaknya. Kedua-dua Peguam Syari'e Defendan dan Plaintiff telah mengemukakan hujahan bertulis.

[77] Mahkamah suka untuk membincangkan berkenaan bilangan saksi yang dikemukakan oleh pihak Plaintiff. Allah S.W.T telah berfirman di dalam surah *Al-Baqarah* ayat 282:

وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ۖ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ

Bermaksud:

*Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang-orang lelaki (di antaramu). Jika tak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu ridhai, supaya jika seorang lupa maka yang seorang mengingatkannya*

[78] Seksyen 86 (5) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 turut memperuntukkan bilangan saksi sepertimana berikut:

***Seksyen 86. Bilangan saksi.***

(1) .....

(2) ...

(3) ...

(4) ...

(5) ***Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.***

[79] Justeru, saksi yang perlu dibawa untuk memberi keterangan di Mahkamah seharusnya dalam bilangan dua orang lelaki ataupun seorang lelaki dan dua orang perempuan. Namun demikian, di dalam kes ini, pihak Plaintiff hanya mengemukakan dua orang saksi perempuan sahaja yang mana tidak mencukupi bilangan yang telah ditetapkan sepertimana di dalam undang-undang.

[80] Merujuk kepada Penyata Tuntutan yang difailkan oleh Peguam Syari'e Plaintiff bagi pihak Plaintiff, Defendan didakwa tidak bertanggungjawab serta cuai menyediakan nafkah zahir dan batin serta tempat tinggal. Plaintiff menyatakan bahawa Plaintiff, Defendan dan anak-anak hanya menetap di rumah ibu bapa Defendan sebelum ini, akan tetapi Plaintiff bertindak keluar dan mencari rumah sewa. Seperti mana dalam tuntutan, semenjak awal perkahwinan Defendan didakwa telah cuai menyediakan nafkah zahir secara baik dan mencukupi. Plaintiff mendakwa bahawa bayaran insurans, bil elektrik dan barang keperluan tidak mencukupi.

[81] Namun demikian, melalui keterangan bersumpah Plaintiff di dalam Mahkamah, Plaintiff mengakui bahawa Defendan sebenarnya menanggung nafkah dengan cara membeli barangan rumah (barang dapur). Plaintiff juga menyatakan bahawa Defendan turut menyediakan nafkah khusus apabila diminta oleh Plaintiff serta Defendan juga



turut ada memberi nafkah secara sukarela tetapi jarang. Ketika soalan balas, Plaintiff juga mengakui bahawa Defendan turut meberikan nafkah batin. Melalui keterangan bersumpah Defendan, Defendan turut menyatakan bahawa nafkah isteri dan anak-anak masih dibiaya oleh Defendan sehingga hari perbicaraan di Mahkamah ini serta nafkah ini tidak pernah diabaikan semenjak awal perkahwinan.

[82] Walaupun Defendan didakwa tidak menyediakan nafkah tempat tinggal, ketika memberikan keterangan, Plaintiff memberitahu dan mengakui bahawa kos sewa rumah yang didiami oleh keluarga mereka ketika ini dibiaya oleh Defendan. Serta nafkah berbentuk wang turut diberikan selepas Plaintiff keluar daripada rumah mertua sebelum ini, apabila diketahui oleh Defendan. Plaintiff turut mengakui bahawa Defendan ambil tahu berkenaan proses mencari rumah sewa.

[83] Terdapat salah satu kaedah fiqh yang menyatakan bahawa asal setiap manusia adalah bebas daripada tanggungan (tuduhan) iaitu :

الأصل براءة الذمة

Bermaksud:

*Asal setiap manusia terlepas daripada tanggungan.*

[84] Terdapat juga kaedah fiqh yang diambil daripada satu hadith yang menyatakan bahawa:

البينة على المدعى واليمين على من أنكر

Bermaksud:

*Pembuktian adalah ditanggung oleh orang yang mendakwa dan sumpah dikenakan ke atas orang yang ingkar.*

[85] Menurut kaedah-kaedah fiqh yang dinyatakan di atas, seseorang itu terlepas dari apa-apa tanggungan. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa dakwaan yang dikemukakan oleh orang lain ke atas seseorang maka tanggungjawab untuk membuktikan dakwaan itu terletak kepada orang yang mendakwa. Orang yang didakwa kekal bebas dari tanggungan sehingga orang yang mendakwa dapat membuktikan dakwaannya. Keterangan samada *syahadah* atau *bayyinah* dari pihak yang mendakwa perlulah meyakinkan Mahkamah terhadap dakwaan yang telah dibuat itu.

[86] Dalam kes ini, Mahkamah mendapati bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak Plaintiff tidak menjurus dan merumuskan bahawa Defendan cuai menyediakan nafkah zahir dan batin serta tempat tinggal, sepertimana yang didakwa oleh Plaintiff melalui Penyata Tuntutannya. Malahan, Mahkamah mendapati tiada sebarang keterangan yang dikemukakan kepada Mahkamah bahawa terdapat waktu-waktu yang material Defendan tidak membayar nafkah kepada Plaintiff. Plaintiff juga turut bersetuju bahawa Defendan turut menyediakan nafkah dari masa ke masa. Oleh hal yang demikian, Mahkamah masih tidak berpuas hati atas keterangan yang dikemukakan untuk membuktikan dakwaan pihak Plaintiff yang dibuat ke atas Defendan.

[87] Plaintiff turut mempersoalkan dan membangkitkan isu hutang pinjaman peribadi yang dibuat oleh Plaintiff ketika memberi keterangan. Pinjaman itu sepertimana yang dimaklumkan kepada Mahkamah adalah untuk membiayai kos renovasi rumah ibu bapa Defendan iaitu rumah yang turut didiami oleh Plaintiff dan Defendan juga.

Melalui keterangan dan pembuktian, Mahkamah mendapati bahawa hutang pinjaman yang telah dilakukan adalah berdasarkan perbincangan bersama Plaintiff dan Defendan, serta dibuat secara nyata di atas nama Plaintiff seorang sahaja tanpa paksaan iaitu secara sukarela. Tiada keterangan atau pembuktian berkenaan Plaintiff telah dipaksa untuk melakukan pinjaman peribadi yang dikemukakan kepada Mahkamah. Pada masa yang sama, tiada apa-apa yang dikemukakan kepada Mahkamah berkenaan perbincangan sebelum ini untuk melangsaikan hutang pinjaman peribadi itu, samada Plaintiff sahaja yang bertanggungjawab atas pinjaman itu, atau Defendan turut perlu bersama menanggung hutang itu. Melalui hujahan bertulis Peguam Syari'e Plaintiff, turut diakui bahawa isu ini hanya dibangkitkan selepas Plaintiff mengetahui bahawa Defendan beristeri dua. Oleh hal yang demikian, Mahkamah masih tidak berpuas hati dan berpendapat bahawa isu ini bukanlah satu perkara yang dapat membuktikan bahawa Defendan cuai menyediakan nafkah kepada Plaintiff.

- [88] Melalui keterangan dan pembuktian, Plaintiff juga mendakwa Defendan telah dengan sengaja memberikan tekanan mental dan fizikal kepada Plaintiff. Plaintiff mendakwa bahawa antara sebab Plaintiff merasa tertekan adalah disebabkan hutang pinjaman peribadi, sikap Defendan yang selalu pulang lewat serta beberapa kata-kata yang diungkapkan oleh Defendan seperti 'ego', 'sombong' dan 'anak rimau'. Plaintiff juga ada memberitahu bahawa terdapat insiden yang mana Defendan membandingkan Plaintiff dengan isteri kedua melalui pesanan telefon, akan tetapi Defendan telah pun memohon maaf sejeurus selepas itu.
- [89] Keterangan Plaintiff ini disokong dengan keterangan yang dikemukakan oleh SP1 dan SP2. Menurut SP1, Plaintiff nampak kemurungan dan kelihatan sedih ketika menjalankan tugas di sekolah. Plaintiff disebut selalu melarikan diri dan berseorangan. SP2 turut menyatakan Plaintiff kelihatan sedih di sekolah. Selain daripada itu, SP1 dan SP2 hanya menceritakan semula apa yang telah didengar daripada Plaintiff berkenaan perihal dan keadaan rumah tangga plaintiff.
- [90] Dapat disimpulkan bahawa keterangan dan pembuktian yang dikemukakan oleh Plaintiff dalam kes ini, tidak mencukupi untuk menguatkan dakwaan terhadap Defendan. Hal ini demikian kerana sepertimana yang disebut dalam kes **Nurul Huda Binti Ismail lwn. Nurrizal bin Ahmad Imran** [2009] 1 SHLR 108, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Selangor Tuan Salehan Yatim menyebut:

*[25] Selain itu, sebelum apa-apa keputusan dibuat adalah wajar untuk mahkamah memahami apa yang dikendaki oleh peruntukan tersebut dalam kes-kes perceraian secara fasakh melalui penganiayaan suami. Untuk tujuan memahaminya perkataan seperti 'lazim' dan 'menyakiti' sendiri haruslah difahami terlebih dahulu. Mahkamah merujuk dalam Kamus Dewan, 'lazim' bermakna biasa, selalu, ghalib, telah umum, kerap, acapkali, berkali-kali, seringkali. Sementara 'menyakiti' bermakna mempersakiti menyebabkan berasa sakit dan termasuk apa jua perbuatan atau perkataan.*

*[27] Oleh yang demikian, perkataan 'lazim menyakiti' hanya relevan dalam kes penganiayaan berbentuk mental seperti menyakiti hati dan perasaan yang hanya timbul apabila berlaku acapkali dalam jangkamasa dan oleh itu berkehendakkan 'lazim' atau 'habitual' dibuktikan oleh isteri. Kuasa mahkamah membubarkan perkahwinan atau fasakh kerana perbuatan yang menyebabkan berlakunya 'dharar'*

*terhadap isteri adalah berdasarkan kepada mazhab Maliki. (Midad Abdul Tawwab, Mausua'h Al-Maarif, Iskandariyyah Egypt 1986, ms 646).*

- [91] Hasil pemeriksaan Mahkamah, keterangan yang diberikan oleh Plaintiff berkenaan dakwaan Defendan lazim menyakiti fizikal dan mental Plaintiff adalah tidak mencukupi. Dakwaan menyakiti fizikal dan mental tidak bersifat lazim kerana penganiayaan atau insiden tidak berlaku acapkali. Pada masa yang sama, Defendan ada memohon maaf selepas pernah menyakiti Plaintiff. Mahkamah mendapati keterangan dan pembuktian yang dikemukakan ketika perbicaraan tidak mencukupi untuk mewujudkan dakwaan berlaku *dharar syarie* di dalam perkahwinan Plaintiff dan Defendan. *Dharar syarie* seperti di dalam Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 ditafsirkan sebagai:

*“dharar syarie” ertinya bahaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui oleh Hukum Syarak*

- [92] Melalui keterangan Plaintiff di dalam Mahkamah, antara sebab tuntutan fasakh ini dikemukakan adalah kerana Plaintiff mengetahui bahawa Defendan telah melakukan poligami. Perkahwinan mereka didakwa telah menjadi tegang dan tidak bersefahaman semenjak tahun 2017. Defendan juga telah didakwa membanding-bandingkan Plaintiff dengan isteri baru, sehingga Plaintiff merasa maruahnya sebagai sorang isteri telah jatuh.
- [93] Plaintiff telah memaklumkan bahawa Plaintiff telah meninggalkan rumah kelamin dan berpindah untuk tinggal di rumah sewa. Dakwaan ini telah disokong melalui keterangan (*bayyinah*) yang diberikan oleh SPI. Selain itu juga, Defendan juga dilaporkan selalu pulang lewat ke rumah, dan enggan melayan Plaintiff sebagai seorang isteri. Plaintiff juga memaklumkan defendan hanya akan pulang lewat malam dan jarang sekali mempunyai masa dan ruang untuk Plaintiff dan anak-anak.
- [94] Namun demikian, melalui keterangan Plaintiff juga, Defendan telah turut berpindah ke rumah sewa tersebut dan tiada apa-apa tentangan atau perbalahan yang berlaku. Bahkan sehingga perbicaraan telah diadakan di Mahkamah, Plaintiff dan Defendan masih tinggal bersama. Malahan, melalui keterangan bersumpah Defendan mereka masih bersenda gurau sebagai suami isteri serta tidur sekali.
- [95] Melihat kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan kepada Mahkamah oleh Plaintiff, tidak dapat disimpulkan bahawa wujudnya *syiqaq* atau perbalahan yang berpanjangan dalam perkahwinan Plaintiff dan Defendan. Walaupun Plaintiff mendakwa melalui keterangan bersumpah bahawa perkahwinan mereka telah bergolak, di samping Defendan juga turut mengakui melalui keterangan bersumpah bahawa perkahwinan mereka telah bertukar sedikit dingin, akan tetapi, melalui keterangan pihak-pihak mereka masih lagi dapat berkomunikasi dengan baik dan Defendan menyebut bahawa mereka masih mampu bergurau senda. Plaintiff dan Defendan masih lagi dapat hidup sebagai suami isteri dan tinggal serumah. Mahkamah melihat bahawa ketegangan yang berlaku antara pihak-pihak masih lagi dapat dikawal dan bukan bersifat pergaduhan atau masalah yang berpanjangan.
- [96] Oleh yang demikian, secara keseluruhannya, Mahkamah dengan ini masih tidak berpuashati dengan pembuktian-pembuktian yang dikemukakan oleh Plaintiff untuk

membuktikan tuntutan dan dakwaannya dalam kes Plaintiff. Setelah Mahkamah meneliti alasan-alasan dan pembuktian fasakh bagi kes ini yang telah dikemukakan di hadapan Mahkamah, serta berdasarkan peruntukan Hukum Syarak dan undang-undang yang sedia ada, Mahkamah di akhir penghakiman bagi kes ini, Saya membuat perintah-perintah sebagaimana berikut:

### KEPUTUSAN

**ATAS TUNTUTAN** Plaintiff, Tuntutan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman, Terengganu dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syariyenya, Puan Nadiah binti Man dari Tetuan Nadiah & Associates dan kehadiran Defendan bersama Peguam Syariyenya, Puan Khairunnisa binti Shobat Settic dari Tetuan Aziz & Co. Setelah mendengar keterangan yang diberikan oleh Plaintiff beserta saksi-saksinya dan keterangan Defendan, **MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH-PERINTAH BERIKUT :-**

1. **SAYA perintah** tuntutan **Nazuha binti Zainol**, Plaintiff terhadap **Osmarizal bin Omar**, Defendan, ditolak kerana kelemahan pembuktian dan dakwaan Plaintiff tidak sepenuhnya dapat dizahirkan dalam Mahkamah.
2. **SAYA perintah** kos ditanggung oleh pihak-pihak.

## ULASAN KES

NAZUHA ZAINOL  
LWN.  
OSMARIZAL OMAR

Oleh:

**Noor ‘Ashikin binti Hamid**

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa,  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu  
Alamat E-mail:  
[shikin@unisza.edu.my](mailto:shikin@unisza.edu.my)

### Pendahuluan

Perkahwinan bukan sahaja bertujuan untuk menghalalkan perhubungan antara lelaki dan perempuan secara sah di sisi syarak, malahan dalam pensyariatannya ianya bertujuan untuk mendapat ketenangan jiwa dan membangkitkan perasaan berkasih-sayang diantara suami dan isteri. Sekiranya sebuah perkahwinan itu membawa kepada mudarat atau pergaduhan yang berpanjangan, maka ia bertentangan dengan tujuan perkahwinan itu. Perceraian merupakan satu perkara yang dibenci Allah tetapi dihalalkan kerana ia bertujuan untuk menolak hal yang lebih mudarat dan meleraikan *syiqaq* yang berpanjangan. Jika sesuatu perkahwinan itu terbukti telah gagal apabila tujuan sucinya dan matlamat murninya tidak tercapai, sebaliknya telah menimbulkan mudharat, kesusahan, penderitaan, pertengkaran, dan penindasan dari sudut harta, fizikal dan emosi maka sebagai langkah terakhir perkahwinan itu bolehlah dibubarkan. Pembubaran ini hendaklah dibuat secara baik (*ma'ruf*) dan bertimbangrasa (*ihsan*), sama ada melalui talaq, fasakh atau khulu. Tuntutan fasakh boleh dibuat oleh isteri jika merasakan perkahwinan tidak lagi memberi kebahagiaan dalam rumah tangga. Tujuan fasakh mengikut Hukum Syarak adalah untuk membendung mudarat (atau *dharar*) yang menimpa atas diri isteri.

### Fakta Kes

Tuntutan perceraian secara fasakh ini telah difailkan oleh plaintif, Nazuha Binti Zainol terhadap suaminya (defendan), Osmarizal Bin Omar di bawah seksyen 50, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 (selapas ini dirujuk sebagai EUKIT). Plaintif dalam tuntutannya mengemukakan empat alasan kepada Mahkamah Syariah (selepas ini dirujuk sebagai Mahkamah) iaitu pertama kerana pihak-pihak sering tidak bersefahaman dan tegang semenjak tahun 2017 dan tiada mawaddah dalam rumah tangga mereka, kedua kerana defendan telah dengan sengaja memberikan tekanan mental dan fizikal kepada plaintif, ketiga kerana defendan tidak bertanggungjawab serta cuai menyediakan nafkah zahir dan batin serta nafkah tempat tinggal, dan keempat kerana defendan tidak menghargai plaintif sebagai seorang isteri. Plaintif telah memberi keterangan serta mengemukakan dokumen-dokumen di Mahkamah untuk menyokong dakwaan yang dibuat terhadap defendan. Di samping itu, plaintif juga telah membawa dua orang saksi perempuan untuk menjadi Saksi Plaintif (SP) dalam kes ini, iaitu Murni binti Jusoh (SP1) dan Nor'aini binti Tahir (SP2). Defendan turut memberikan keterangan bagi pihaknya, serta kedua-dua Peguam Syari'e defendan dan plaintif telah mengemukakan hujahan bertulis.

Di akhir perbicaraan, Mahkamah memutuskan tuntutan fasakh plaintif terhadap defendan ditolak kerana kelemahan pembuktian dan dakwaan plaintif tidak sepenuhnya dapat dizahirkan di Mahkamah. Kes ini diputuskan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kemaman, Tuan Wan Abdul Hakim Bin Wan Khairul Anuar.

## Ulasan

Kes ini merupakan satu tuntutan fasakh oleh pihak plaintif bagi membubarkan perkahwinan. Fasakh bermaksud menamatkan atau membubarkan hubungan atau ikatan perkahwinan antara suami dengan isteri dan pembubaran tersebut berlaku berdasarkan keputusan Qadhi/Hakim. Fasakh adalah berbeza dengan perceraian talaq, kerana talaq berlaku adalah dengan pilihan atau kehendak suami sendiri, manakala fasakh berlaku berdasarkan keputusan Qadhi/Hakim yang merupakan wakil kepada Sultan/Pemerintah bagi sesuatu kerajaan yang berkuasa. Tiada peruntukan yang khusus tentang fasakh di dalam al-Quran, tetapi ulama-ulama Islam merujuk kepada pemakaian umum ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis yang memberikan alasan-alasan tertentu untuk tujuan fasakh. Alasan-alasan tersebut membolehkan Hakim atau Mahkamah membubarkan sesuatu perkahwinan melalui fasakh kerana meletakkan isteri atau suami dalam kesusahan atau *dharar*.

Seksyen 2 EUKIT, mendefinisikan fasakh sebagai “pembubaran nikah disebabkan oleh sesuatu hal keadaan yang diharuskan oleh Hukum Syarak mengikut Seksyen 50”. Fasakh mengikut Hukum Syarak disyariatkan adalah bertujuan untuk membendung mudarat (atau *dharar*) yang menimpa atas diri isteri.

Tuntutan ini ialah tuntutan fasakh dimana plaintif memohon Mahkamah memfasakhkan atau membubarkan perkahwinan plaintif dengan defendan menurut seksyen 50 EUKIT. Seksyen tersebut memperuntukkan secara terperinci kesemua alasan-alasan yang membolehkan Mahkamah membubarkan sesuatu perkahwinan mengikut Hukum Syara’.

Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa mendengar permohonan ini berdasarkan peruntukan 11 (3) (b) (i) dan 12 (2) (b) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Manakala Seksyen 42 EUKIT pula menyatakan tentang keperluan keesahan perkahwinan sesuatu pasangan dan pemastautinan salah satu pihak-pihak di negeri Terengganu sebagai satu asas untuk kausa tindakan. Dalam hal ini Mahkamah berpuas hati bahawa wujudnya akad nikah yang sah diantara pasangan dan pasangan ini bermastautin di dalam daerah Kemaman.

Terdapat dua isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah iaitu pertamanya sama ada alasan-alasan fasakh yang dikemukakan oleh plaintif dibenarkan oleh Undang-Undang dan Hukum Syara’. Plaintif dalam tuntutannya ini mengemukakan empat alasan bag menyokong tuntutan iaitu (1) kerana pihak-pihak sering tidak bersefahaman dan tegang semenjak tahun 2017 dan tiada mawaddah dalam rumah tangga mereka, (2) kerana defendan telah dengan sengaja memberikan tekanan mental dan fizikal kepada plaintif, (3) kerana defendan tidak bertanggungjawab serta cuai menyediakan nafkah zahir dan batin serta nafkah tempat tinggal, dan (4) kerana defendan tidak menghargai plaintif sebagai seorang isteri.

Mahkamah mendapati alasan bagi perkara (1), (2) dan (4) adalah diperuntukan dalam nas dan undang-undang. Antara lainnya Mahkamah merujuk pada pandangan Wahbah Al-Zuhayli (1997), yang menjelaskan bahawa pergaduhan dalam rumah tangga adalah penderaan terhadap isteri. Maksud deraan (mendatangkan mudarat (*dharar*)) ialah siksaan suami ke atas isteri dengan perkataan dan perbuatan seperti maki hamun, momokan yang memalukan, pukulan yang mencederakan, memperlakukan dengan perbuatan yang diharamkan Allah SWT, memulau dan meninggalkan tanpa sebab yang mengharuskan dan sebagainya”.

Prinsip pembubaran perkahwinan atau fasakh kerana aniaya atau *dhirar* ini menurut Ahmad Al-Husary (1968) tidaklah disyaratkan penganiayaan atau *dhirar* terhadap tubuh badan sahaja, malahan lebih luas dari itu termasuk enggan bercakap dengan isteri, membelakangkan isteri atau memalingkan muka darinya semasa di katil, mengutamakan memberi layanan kepada perempuan lain dari isteri, memukul dengan pukulan yang menyakiti dan seterusnya dan tidaklah disyaratkan pukulan itu dilakukan berulang kali dan lazim.

Makhamah merujuk kepada kes terdahulu iaitu kes *Hairun bt. Mohd Sharif lwn. Omar bin Mohd Noor*, JH[1414] 289, dimana dalam penghakimannya, Tan Sri Dato' Haji Mohd Azmi menjelaskan antara lain bahawa:

*“sungguh pun di bawah Seksyen 52(1)(h) penganiayaan terhadap isteri boleh berlaku di dalam dua bentuk, iaitu dalam bentuk fizikal atau dalam bentuk mental, contoh penganiayaan bercorak memukul secara fizikal tidak diberi oleh kerana aniaya amat nyata dengan sendirinya dan mengikut Hukum Syara’ memukul isteri secara fizikal adalah satu penganiayaan melainkan di dalam sesuatu keadaan tertentu. Kadang kala penganiayaan boleh juga dilakukan di dalam kedua-dua bentuk”.*

Mahkamah juga merujuk kepada kes *Hasnah binti Omar lwn Zaaba bin Mohamad Amin* (1995) 10 JH 59, 61 dimana:

*‘...Jika diteliti dengan mendalam, prinsip pembubaran perkahwinan atau fasakh kerana ‘aniaya’ atau dharar ini tidaklah disyaratkan penganiayaan atau dharar terhadap tubuh badan sahaja, malahan lebih luas dari itu termasuk enggan bercakap dengan isteri, membelakangkan isteri atau memalingkan muka semasa di katil, mengutamakan memberi layanan kepada perempuan lain dari isteri, memukul dengan pukulan yang menyakiti dan seterusnya dan tidaklah disyaratkan pukulan itu dilakukan berulang kali dan lazim”.*

Dalam menjelaskan makna istilah lazim menyakiti Mahkamah berpandukan kepada *Kamus Dewan* ‘lazim’ bermakna telah “umum (dipakai, dilakukan dan lain-lain) biasa, ghalib, selalu, umumnya, manakala ‘menyakiti’ bermakna menyebabkan berasa sakit (sengsara, sedih, pilu dan lain-lain)”. Lazim menyakiti tidak semestinya selalu memukul fizikal atau mendera fizikal tetapi juga perasaan tertindas dan tertekan yang dirasai oleh isteri seperti dalam kes ini. Mahkamah merujuk kepada kes *Rosliah Abu Kassim lwn. Abdul Rahman Ibrahim* [2004] CLJ (Sya) 270 di halaman 271, Yang Arif Hakim Mahmud Saedon Awang Othman memberi penghakiman berikut;

*“ Perkahwinan harus dibina atas landasan ma’ruf dan tidak penganiayaan. Dengan itu, walaupun talak tidak digalakkan oleh Islam, tidak ada siapa pun yang boleh dipaksa hidup menderita di dalam perkahwinan yang ia tidak suka. Dengan kata lain, jika sesuatu perkahwinan itu ternyata telah gagal dan jika tujuan dan matlamatnya sudah tidak boleh dicapai, apalagi jika ianya menimbulkan mudarat, kesusahan, penderitaan, pertengkaran dan perkelahian, maka berpisah dengan cara yang ma’ruf adalah lebih baik sebagai jalan penyelesaian”.*

Kesimpulannya, perbuatan seorang suami iaitu defendan di dalam kes ini yang didakwa telah lazim menyakiti dan menganiaya plaintiff serta menjadikan kehidupan plaintiff menderita kesakitan fizikal dan emosi disebabkan oleh kelakuan aniaya defendan tersebut merupakan

antara alasan yang boleh digunakan untuk plaintif memohon perceraian secara fasakh mengikut Hukum Syarak.

Alasan ini telah dikanunkan di bawah seksyen 50 (1) EUKIT, dimana ianya yang boleh digunakan oleh isteri untuk membubarkan perkahwinan melalui fasakh apabila mengikut perkara (g) bahawa suami menganiayai isterinya, iaitu, antara lain : (i) secara lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya; atau/ dan di bawah seksyen 50 (3) (b) atas apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh di bawah Hukum Syarak.

Meneliti kepada alasan (3) yang dikemukakan oleh plaintif mendakwa defendan tidak bertanggungjawab serta cuai daripada menyediakan nafkah zahir dan batin serta nafkah tempat tinggal. Mahkamah menjelaskan kewajipan seorang suami untuk memberikan nafkah kepada isteri dengan merujuk kepada ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang kewajipan nafkah isteri di dalam surah *al-Baqarah* ayat 233 dan nas-nas fiqh di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj*, kitab *Kifayatul Akhyar*, kitab *al-Ta'liq li 'Adamul Infaq* dan kitab *al-Ashbah wa al-Nazair* oleh al-Imam Jalaluddin al-Suyuti (1983) yang menyatakan bahawa sepasang suami isteri yang telah lama hidup bersama, kemudian isteri mendakwa bahawa suaminya tidak memberi pakaian dan nafkah, maka dakwaan isteri diterima. Ini kerana asalnya kedua-dua (pakaian dan nafkah) masih dalam tanggungan suami, dan dakwaan tidak memberi nafkah dan pakaian adalah diyakini. Justeru itu, jelas bahawa nafkah isteri adalah antara tanggungjawab seorang suami yang terhadap seseorang isterinya sepanjang perkahwinan. Nafkah sebagaimana yang diterima pakai oleh Syara' mestilah terdiri daripada nafkah zahir dan batin termasuk makan minum, pakaian, tempat tinggal, pembantu rumah (jika ada keperluan dan suami pula berkemampuan) dan giliran bermalam (bagi seseorang suami yang berpoligami).

Perkara ini juga telah diperakui statut dan ia telah dikanunkan melalui Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu), 1985 di dalam sub-seksyen 58(1) memperuntukkan: "Tertakluk kepada Hukum Syara', Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya". Peruntukan di atas memberi hak kepada isteri untuk membuat tuntutan nafkah jika suami gagal membayar nafkah dalam masa perkahwinan dan hak ini juga terpakai kepada tuntutan nafkah dalam masa 'iddah. Hal ini diperteguhkan dengan peruntukan yang diberi di dalam Seksyen 50 (1) (b) EUKIT yang jelas memperuntukkan bahawa isteri boleh menuntut fasakh apabila "suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tiga bulan". Justeru, Mahkamah berpuashati bahawa ketidak-bertanggungjawaban serta kecuaiannya daripada menyediakan nafkah zahir dan batin serta nafkah tempat tinggal yang dikemukakan oleh plaintif terhadap defendan di dalam kes ini adalah salah satu alasan yang diharuskan untuk menuntut fasakh menurut Hukum Syarak dan undang-undang.

Isu kedua yang perlu diputuskan adalah sama ada plaintif dapat membuktikan wujudnya atau berlaku alasan-alasan yang dinyatakan itu dan sekaligus mahkamah boleh sabit tuntutan fasakh plaintif terhadap defendan. Bagi membuat pertimbangan sama ada plaintiff telah mencapai beban pembuktian dakwaannya bagi mensabitkan kes ini, Mahkamah merujuk kepada firman Allah SWT dalam surah *al-Maidah* ayat 49: dan surah *al-Nisa* ayat 135. Melalui ayat-ayat tersebut Allah SWT memerintahkan manusia menghukum berdasarkan apa yang telah diturunkan dan diperintahkan-Nya dan melarang kita daripada menyeleweng atau mengikut hawa nafsu. Ayat tersebut juga menerangkan kepentingan keterangan dan kesaksian dan saksi hendaklah dipanggil bagi menegakkan kebenaran dan keadilan. Mahkamah merujuk kepada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Baihaqiy dan Ahmad yang bermaksud:



*“Jika manusia diberi segala apa yang didakwanya nescaya ada di antara manusia yang mendakwa harta sesuatu kaum dan menuntut hutang darah mereka. Tetapi pembuktian adalah ditanggung oleh orang yang mendakwa dan sumpah dikenakan ke atas orang yang ingkar”.*

Dari segi perundangan, peruntukan seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 (yang selepas ini dirujuk sebagai EKMST) menyatakan bahawa beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-Mudda 'ii*) dan orang-orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudd'a 'alaih*). Manakala dalam Seksyen 73 (1) dan (2) EKMST menyebut: Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

Berdasarkan kepada nas dan peruntukan undang-undang tersebut oleh maka beban membuktikan atau tanggungjawab mengemukakan keterangan di dalam kes ini terletak kepada plaintif. Menurut kaedah-kaedah fiqh *“Asal setiap manusia terlepas daripada tanggungan”* seseorang pada asalnya terhindar dari apa-apa tanggungan. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa dakwaan yang dikemukakan oleh orang lain ke atas seseorang maka tanggungjawab untuk membuktikan dakwaan itu terletak kepada orang yang mendakwa. Orang yang didakwa kekal bebas dari tanggungan sehingga orang yang mendakwa dapat membuktikan dakwaannya.

Bersandarkan firman Allah SWT dalam surah *Al-Baqarah* ayat 282 dan seksyen 86 (5) EKMST Mahkamah memutuskan bahawa saksi yang perlu dibawa untuk memberi keterangan di Mahkamah seharusnya dalam bilangan dua orang lelaki ataupun seorang lelaki dan dua orang perempuan. Pihak plaintif hanya mengemukakan dua orang saksi perempuan sahaja yang mana tidak mencukupi bilangan yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Plaintif juga mendakwa defendan tidak bertanggungjawab serta cuai menyediakan nafkah zahir dan batin serta tempat tinggal. Namun demikian, melalui keterangan bersumpah plaintif di dalam Mahkamah, plaintif mengakui bahawa defendan sebenarnya menanggung nafkah dengan cara membeli barangan rumah, memberi nafkah apabila diminta atau secara sukarela serta memberikan nafkah batin. Kenyataan ini disokong melalui keterangan bersumpah defendan yang beliau tidak mengabaikan kewajiban terhadap isteri dan anak-anak. Dalam kes ini, Mahkamah mendapati bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak plaintif tidak kuat dan gagal membuktikan bahawa defendan cuai menyediakan nafkah zahir dan batin serta tempat tinggal, dan plaintif juga turut bersetuju bahawa defendan turut menyediakan nafkah dari masa ke masa. Oleh hal yang demikian, Mahkamah tidak berpuas hati atas keterangan yang dikemukakan untuk membuktikan dakwaan pihak plaintif yang dibuat ke atas defendan.

Plaintif juga mendakwa defendan telah dengan sengaja memberikan tekanan mental dan fizikal kepada plaintif namun tiada pembuktian yang dikemukakan oleh plaintif untuk menguatkan dakwaan terhadap defendan. Mahkamah merujuk kepada kes *Nurul Huda Binti Ismail lwn. Nurrizal bin Ahmad Imran* [2009] 1 SHLR 108, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Selangor Tuan Salehan Yatim menyebut bahawa:

*“Untuk tujuan memahaminya perkataan seperti 'lazim' dan 'menyakiti' sendiri haruslah difahami terlebih dahulu. Mahkamah merujuk dalam Kamus Dewan, 'lazim' bermakna biasa, selalu, ghalib, telah umum, kerap, acapkali, berkali-kali, seringkali. Sementara 'menyakiti' bermakna mempersakiti menyebabkan berasa sakit dan termasuk apa jua perbuatan atau perkataan.*

Oleh yang demikian, perkataan 'lazim menyakiti' hanya relevan dalam kes penganiayaan berbentuk mental seperti menyakiti hati dan perasaan yang hanya timbul apabila berlaku acapkali dalam jangkamasa dan oleh itu berkehendakkan 'lazim' atau 'habitual' dibuktikan oleh isteri. Kuasa mahkamah membubarkan perkahwinan atau fasakh kerana perbuatan yang menyebabkan berlakunya 'dharar' terhadap isteri adalah berdasarkan kepada mazhab Maliki. Keterangan yang diberikan oleh plaintif berkenaan dakwaan defendan lazim menyakiti fizikal dan mental plaintif adalah tidak bersifat lazim kerana penganiayaan atau insiden tidak berlaku acapkali. Plaintif menerima permohonan maaf selepas pernah menyakiti plaintif. Oleh itu plaintif gagal mewujudkan dakwaan berlaku *dharar* syarie terhadapnya iaitu perbuatan yang mengundang bahaya terhadap agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah atau harta benda isteri sepanjang perkahwinan mereka.

Secara keseluruhannya, Mahkamah memutuskan plaintiff gagal mengemukakan bukti yang mencukupi atas tuntutan dan dakwaannya. Mahkamah memutuskan tuntutan fasakh plaintif terhadap defendan ditolak kerana kelemahan pembuktian dan dakwaan plaintif tidak sepenuhnya dapat dizahirkan dalam Mahkamah.

### **Kesimpulan**

Mahkamah mempunyai bidangkuasa bagi mendengar tuntutan fasakh oleh plaintif meengikut peruntukan seksyen 50 EUKIT. Seksyen tersebut memperuntukkan secara terperinci kesemua alasan-alasan yang membolehkan Mahkamah membubarkan sesuatu perkahwinan mengikut Hukum Syara'. Bidangkuasa mengenai tuntutan fasakh, adalah diberi kepada Mahkamah melalui seksyen 11 (3) (b) (i) dibaca bersama seksyen 12 (2) (b) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Menurut, seksyen 72 dan 73 EKMST beban membuktikan atau tanggungjawab mengemukakan keterangan di dalam kes ini terletak kepada plaintif. Sekiranya plaintif gagal membuktikan dakwaannya mengikut Hukum Syarak dan undang-undang, maka Mahkamah akan menolak tuntutannya. Dalam kes ini plaintif gagal membuktikan tuntutan dan dakwaannya, oleh itu, Mahkamah Rendah Syariah menolak permohonan plaintif.

### **Rujukan**

- Ahmad Al-Husary, (1968). *Al-Ahwal Al-Shakhsiyyah*. Maktabah Al-Kulliyat Al-Azhariyyah: Mesir.
- Wahbah al-Zuhayli. (1997). *Kitab al-Fiqh al-Islamiyy wa-Adillatuhu*, Juzuk 9, Cetakan Keempat. Darul Fikr: Damsyik.
- Jalaluddin Abdul Rahman, *As-Suyuti* (1983). *Al-Ashbah Wa an-Nazair Fi Qawaid Wa Furu' Fiqh Syafie*. Darul Kutub al-Ilmiyyah: Beirut, Lebanon.